

PENCAK SILAT



TERAJANG KEMENANGAN: Hazrah Khanam, pemenang pingat emas tunggal Singapura dalam acara silat. — Gambar BH oleh JERRY SEH.

'Ikut hati mahu pulang segera'

17 SEP 1987

MAHUNYA Hazrah Khanam segera pulang ke Singapura dan menyebarkan pingat emas yang dimenangkannya kepada keluarga, tetapi beliau terfikir sebaik-baiknya biarlah pulang sesudah Sukan SEA Jakarta berakhir.

Rasanya mahu juga beliau menitiskan air mata kegembiraan selepas pingat yang menjadi idamannya itu dikalungkan ke lehernya, tetapi ditahannya kerana mengingat pingat adalah hasil kerja kuat dari semua pihak hingga membawa dirinya ke Indonesia ini.

Dan apa yang boleh dilahirkan oleh Hazrah Khanam: "Kemenangan ini akan menjadi suatu galakan kepada saya untuk berlatih lebih gigih lagi."

Hazrah Khanam, pemenang yang mengalahkan Rina Widayati dari Indonesia dalam pertandingan akhir malam semalam.

Bersilat sejak 1982, Hazrah, belum dapat menentukan sama ada mahu terus berkecimpung dalam bidang seni silat ini atau

tidak kerana beliau ingin melanjutkan pelajarannya.

Bertugas sebagai kerani dengan Kementerian Sekitaran, beliau menjalani latihan sejak 10 bulan lalu.

"Saya mengadakan latihan empat kali seminggu selama 10 bulan. Saya juga terpaksa mengulang kaji pelajaran untuk menduduki peperiksaan GCE 'A' tahun ini," jelasnya.

Beliau berkata: "Kini saya boleh memberikan sepenuh perhatian kepada pelajaran saya kerana tugas mengharumkan nama negara melalui sukan ini telah pun terlaksana," jelasnya sambil memohon untuk berehat selepas pertandingan yang melelahkan itu.

Jurulatih pasukan Singapura, Hosni Ahmad, puas hati dengan kelakonan yang telah ditunjukkan oleh Hazrah.

"Kemenangan Hazrah," menurut Hosni, "adalah dijangkakan kerana pesilat Singapura ini nyata lebih berpengalaman walaupun kelihatan lemah saja." — Oleh **JABBAR HANIEF**